

# CABARAN TARBIAH DALAM ERA DAKWAH

Oleh  
Dr. Yaacob bin Yusoff

## **Abstract**

*This article is to explore the agenda of **da'wah** which has become a central attraction in today society. Privates sectors are been in making this agenda a formal academic form with the emergence of many institutions and colleges. At the same time, the movement of **da'wah** needs the essence of **tarbiah**, not only through rhetorical approach.*

*What are the problems which hinder us to achieve **Islamic tarbiah** and what is its relationship to the roles of **da'wah** which Allah has obligated on us? Therefore this article examines the taxonomy of **tarbiah** from Islamic perspective. It also examines the hindrances towards Islamic tarbiah which certainly need patience from everybody who are involved. If this question is able to capture the attention of all concerned parties perhaps it will give way to enhance the roles of **tarbiah** as an essence of **da'wah**. But, what is the attitude of the societies where **tarbiah** has become an agenda in their **da'wah**? Therefore this article proposes a complementary concept which is arranged in hierarchy according to their capability and function.*

## Pendahuluan

Firman Allah s.w.t bermaksud:

*Wahai isteri-isteri Nabi, kamu bukanlah seperti sembarangan perempuan yang lain bilamana sudah benar-benar kamu bertakwa - maka janganlah kamu tunduk bermanja dengan kata-kata, yang kelak menimbulkan keinginan pada orang yang mempunyai penyakit pada hati mereka, dan (dengan itu) berkatalah dengan kata-kata (juga bahasa) yang cemerlang (makruf). Dan 'berjinaklah' dengan rumah-rumah kamu dan janganlah mendedahkan diri seperti pendedahan orang-orang jahiliah dahulu. Dan tegakkan sembahyang, laksanakan zakat, patuhkan Allah dan Rasul-Nya. Sesungguhnya (semua ini) Allah bermaksud untuk membersihkan kamu (semua) dari segala kecemaran, - wahai ahlal bait' - juga menyucikan kamu sesuci-suci-nya. Dan (wahai para isteri nabi) pernyataanlah apa yang telah dibaca di rumah-rumah kamu dari ayat-ayat Allah serta 'hikmat' berkenaan, sesungguhnya Allah adalah Maha Halus Tadbir-Nya dan Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.*

*Sesungguhnya para muslimin dan muslimat, para lelaki mukmin dan perempuan mukmin (mukminat), para lelaki yang taat dan perempuan yang taat, para lelaki yang benar dan perempuan yang benar, para lelaki yang sabar dan perempuan yang sabar dan para lelaki yang berendah diri dan perempuan yang berendah diri, para lelaki yang bersedekah dan perempuan yang bersedekah, para lelaki yang berpuasa dan perempuan yang berpuasa, para lelaki yang menjaga kemaluan mereka dan perempuan sedemikian, para lelaki yang mengingati Allah sebanyak-banyaknya dan perempuan sedemikian, maka Allah menyediakan bagi mereka keampunan dan balasan yang besar. Dan tidak harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perem-*

*puan, apabila Allah dan Rasul-Nya telah memutuskan bagi mereka (sesuatu), akan adanya suatu alternatif lain dalam urusan mereka semua. Dan (ingatlah) sesiapa yang tidak mentaati Allah dan Rasul-Nya maka ia telah jelas sesat....*

al-Ahzab (33):32-36

### **Taksonomi Tarbiah**

Manusia adalah objek pentarbiahan, analog (pendahuluan) di atas adalah gambaran corak masyarakat yang telah menerima pendidikan Islam. Tanggungjawab pendidikan ini adalah amat besar seperti yang diperingatkan oleh sebuah hadis bermaksud:<sup>1</sup>

*Semua 'maulud' (anak) adalah dilahirkan di atas fitrah (suci), maka kedua ibu bapanyalah yang mengyahudikannya, atau menasranikannya atau memajusikannya.*

Keunikan agenda pentarbiahan dalam Islam ialah dengan merujuk kepada keunikan takrif dan penjelasan Islam tentang manusia itu sendiri yang jauh berbeza dari perspektif Barat yang sekular dan evolusionistik.

Entiti-entiti atau komponen-komponen diri manusia itu sendiri membentuk skop dan dimensi tarbiah dalam Islam. Biasanya dirujuk dalam tiga aspek: *al-ruh*, *al-asad* dan *al-'ql*. Dengan itu tarbiah bersifat; rohani, jasmani dan aqli (spiritual, fizikal dan kognatif). Ianya melahirkan seorang yang bersifat '*alim*' (kata majmuk: '*ulama*') yang bersifat berilmu, berfikir dan bertindak, bukannya mengisi aspek akal sahaja. Aspek seks tidak menjadi versi yang mempunyai agenda pendidikan formal dan khusus kerana ianya adalah sesuatu yang subur dan terkandung di dalam komposisi *fiqhiyyah* (dalam ilmu fekah).

---

<sup>1</sup>al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Jld. 3, Kitab al-Janaiz, Dar al-Ma'rifat, Beirut, t.t., h. 246.

Dimensi subjek pentarbiahan dalam Islam amatlah luas. Ia tergambar dalam terminologi-terminologi yang digunakan sepanjang tradisinya dengan berpaksikan kepada ilmu. Istilah-istilah tersebut adalah seperti: *ta'lim, ta'dib, tarbiyyah, irshad* dan *tadris*.<sup>2</sup> *Ta'lim* merujuk kepada proses pemindahan ilmu pengetahuan dan perkembangannya yang lebih bersifat afektif setelah melalui proses pengmakluman di peringkat kognatif. Di dalam Islam terdapat perbezaan yang jelas di antara 'maklumat' dan 'ilmu' di mana maklumat hanya berada pada akal sementara ilmu adalah bertempat pada 'hati'. Ilmu ditakrifkan oleh Fakhruddin al-Razi dalam dua konteks; Allah sebagai sumber ilmu dan manusia sebagai pentafsir. Syed Mohd Nagiub al-Attas menengahkan semula dan memperbaikinya dengan petikan sebagai berikut:

*Merujuk kepada Allah sebagai asal segala ilmu, ia (ilmu) adalah ketibaan makna sesuatu ke dalam diri seseorang. Apabila merujuk kepada diri sebagai pentafsir, ilmu adalah ketibaan diri seseorang kepada makna tentang sesuatu*<sup>3</sup>

*Ta'dib* pula lebih merujuk kepada pendidikan akhlak (adab) yang menjadi ciri bentuk pendidikan oleh Allah s.w.t terhadap Rasulullah s.a.w seperti yang dijelaskan oleh baginda sendiri. Di atas hujah ini Profesor Syed Nagiub lebih bersetuju supaya perkataan *ta'dib* digunakan untuk maksud pendidikan. Apatah lagi bila perkataan 'tarbiah' biasa digunakan oleh bahasa Arab untuk binatang, (tarbiatul hayawan). Saya berpendapat mungkin penggunaan perkataan *ta'dib* (addabani) oleh Rasulullah s.a.w adalah merujuk kepada kekhususan baginda kerana sifatnya yang sudah suci dan jauh sekali dari nilai-nilai kebinatangan, sedangkan manusia biasa masih sebaliknya. Dengan itu penggunaan perkataan 'tarbiah' masih boleh dipakai dengan tidak menafikan dimensi-dimensi lain untuk orang awam seperti kita. Ia juga mempunyai konotasi ketuhanan bila dirujuk kepada

<sup>2</sup>Lihat al-Attas, S.M.N. (ed.) *Aims and objectives of Islamic Education*, Hodder and Stoughton & King Abdul Aziz University, London & Jeddah, 1979, h.

<sup>3</sup>Wan Mohd Noor Wan Daud, *Penjelasan Budaya Ilmu*, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur 1991, h. 41.

perkataan 'rab' itu sendiri sebagai salah satu dari konsep Tuhan di samping 'Ilah'. Tetapi yang sudah tentunya konsep yang lebih tepat ialah *ta'dib* itu sendiri sebagai sesuatu yang lebih menepati nilai manusia sebagai objek yang mempunyai adab dan nilai hidup.

*Irsyad* merujuk kepada 'petunjuk' yang menjadi dimensi fungsi pentarbiahan sementara *tadris* membawa imej 'masak' dan 'matang' atau 'lumat'. Dimensi yang pelbagai ini menunjukkan betapa kepelbagaian aspek yang disentuh oleh taksonomi tarbiah dalam Islam. Dengan itulah terbentuknya ciri masyarakat pemuda (lelaki) dan wanita seperti dalam analog di atas. Kepelbagaian dimensi ini semestinya berpadu dalam konsep juga operasi, walaupun mungkin ia menjurus kepada satu aspek di peringkat teknikal yang merujuk kepada keupayaan guru yang terbatas.

Sumber pendidikan atau tarbiah dalam Islam ialah al-Qur'an dan al-Sunnah itu sendiri sebagai sumber autentik dan asasi serta mutlak. Al-Qur'an sebagai sumber sains, aqidah, keagamaan (spiritual) dan sebagainya termasuklah dalam konteks motivasi dan methodologi, walaupun sebahagian besarnya bersifat prinsip-prinsip. Rasulullah s.a.w adalah guru utama bagi seluruh manusia. Sementara pancaindera yang menjadi sanjungan Barat kini dengan falsafah rationalism dan saintismnya tidaklah benar sebagai sumber ilmu. Ia mungkin sebagai sumber maklumat semata-mata. Plato, ahli falsafah Yunani yang menjadi murid setia Socrates pun menolak pancaindera sebagai sumber ilmu. Pancaindera mungkin boleh memberi pendapat sahaja. Malah Plato memandang hina kepada keupayaan pancaindera untuk memperolehi ilmu pengetahuan.<sup>4</sup>

Tujuan tarbiah Islam pula dihurai dengan berbagai cara oleh berbagai pihak. Persidangan Sedunia Pendidikan Islam yang berlangsung di Makkah 1977 merumuskan sebagai;

---

<sup>4</sup>Iqbal, M. *The Reconstruction of Religious Thought in Islam*, Javid Iqbal, Lahore, 1965.

*The aim of Muslim Education is the creation of the 'good and righteous man' who worships Allah in the true sense of the term, builds up the structure of his earthly life according to the Sharia (Islamic Law) and employs it to subserve his faith'<sup>5</sup>*

Dr. Halim al-Muhammady dalam artikelnya bertajuk 'Pendidikan Islam skop dan matlamatnya' mengaitkan matlamat pendidikan Islam dengan beberapa ayat al-Qur'an seperti al-Hujurat (49):13, al-Dhariat (51):56, al-Baqarah (2):38 & 30 dan al-Isra'(17):70. Aspek-aspek yang ditekankan adalah seperti ketaqwaan, pengabdian diri, mendapatkan petunjuk, fungsi khalifah serta kemuliaan manusia.<sup>6</sup>

Secara praktikalnya kenyataan dan huraian di atas boleh dirumuskan dengan merujuk kepada tujuan penciptaan manusia itu sendiri yang boleh dihuraikan dengan berbagai istilah dan cara yang penting ialah wujudnya dua dimensi tujuan yang berhairaki secara teratur dan berpaksi kejam di antara yang bersifat *vertical* dan *horizontal* (Hablum minallah & Hablum minannas). Kehambaan diri ('ubudiyah') dan fungsi kekhalfahan (Khalifah) menjadi aspek induk kepada warganegara yang taat, teknokrat yang produktif, saintis yang kreatif dan lain-lain. Aspek *vertical* menjadi inspirasi dan 'sebab' atau titik tolak kepada aspek 'horizontal'. Sementara aspek *horizontal* menjadi 'pembuktian' kepada aspek *vertical*. Dengan itu keuntungan-keuntungan duniawi menjadi agenda strategi bagi keuntungan keakhiratan. Inilah yang disebut sebagai 'keredhaan Allah' melalui kehidupan dunia sebagai tanaman untuk akhirat.

---

<sup>5</sup>Al-Attas, S.M.N. (edt.) *op. cit.*, h. 7.

<sup>6</sup>Abdul Halim al-Muhammadi, "Pendidikan Islam, Skop dan Matlamatnya" dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Tahun I, Bil. 1, Kuala Lumpur, ABIM, 1984, h. 22-23.

### **Persoalan Semasa Pentarbiahan**

Sudah beratus tahun para ulama dan ahli-ahli pendidikan Islam menggagaskan idea dan konsep, sistem dan metodologi operasi pendidikan. Tradisi ilmu Islam penuh dengan khazanah-khazanah berkaitan seperti tulisan-tulisan oleh Imam al-Ghazali sendiri dengan bahagian *kitab al 'ilmnya* yang berupa sebahagian dari karangan besar *Ihya 'Ulum al-Din* itu. Walaupun begitu kejayaan tidak juga seperti yang logik pada perancangan. Apakah masalah-masalah atau halangannya. Manzoor Ahmeed misalnya menekankan beberapa perkara antaranya *the absence of moral content in the Western and socialist modes*<sup>7</sup> juga *segregation of temporal and religious education in Muslim societies*.<sup>8</sup>

Secara realistik dengan kes di Malaysia, bahagian ini cuba menyorot melalui pengamatan selama ini akan sebab; kenapa dan apa yang membentuk gundah gulannya agenda ini.

Masalah-masalah tersebut, antaranya;

1. Sistem pendidikan yang masih bersifat 'pelajaran'. Walaupun dari segi falsafah dan prinsip-prinsipnya sudah betul menepati maksud pendidikan tetapi operasinya yang merujuk kepada peranan guru dan agen-agen pendidikan masih mempunyai masalah ini. Falsafah pendidikan negara Malaysia dan KBSM misalnya sudah berbentuk demikian, tetapi pelaksanaan di peringkat bilik darjah masih menghadapi susulan yang lemah.

Walaupun falsafah pengajaran sudah betul, tetapi cara ilmu diajar mungkin masih bersemangat kebaratan. Walaupun pensyarah (mungkin bukan pendidik) yang mengajar berijazah kedoktoran (Ph.D) tetapi apakah pasti 'dokter-dokter' ini memberi ubat. Jika maklumat-maklumat yang

---

<sup>7</sup>Ahmed, Mansoor, *Islamic Education: Redefinition of Aims & Methodology*, Qazi Publishers & Distributers, New Delhi, 1990, h. 3.

<sup>8</sup>*Ibid.*, h. 11.

dibawa balik dari Barat masih mempunyai kuman-kuman perosak yang menjadi unsur-unsur falsafah maklumat tersebut, maka ia tidak membantu ilmu. Pemimpin yang jahil dari sudut misi ilmu, bukan jumlah maklumat, mungkin termasuk dalam hadis Rasulullah yang bermaksud sebagai yang sesat dan menyesatkan<sup>9</sup> Graduannya adalah para intelek tetapi tidak alim. Dengan itu benarlah mereka adalah pensyarah bukan pendidik, dan mungkin kerana itulah jawatan berkenaan dipanggil 'pensyarah' seperti dalam iklan jawatan dan surat perlantikan mereka. Ini adalah sebahagian dari apa yang diistilahkan sebagai *diploma disease* (penyakit diploma) oleh Ronald Dore.<sup>10</sup>

Tradisi ini masih berlanjutan dan ianya merujuk kepada kefahaman dan penghayatan yang tergenat di dalam profesion keguruan dan pendidik. Kesedaran terhadap ini amat penting.

2. Maksud hadis di bahagian awal esei ini di atas menunjukkan dengan jelas peranan ibubapa yang sifatnya adalah informal terhadap pendidikan. Unsur yang setara dengan istilah ini ialah persekitaran. Persekitaran adalah pendidik, sementara bilik darjah adalah pemberi maklumat. Masalah yang ketara ialah persoalan persekitaran yang tidak dilihat sebagai komponen pendidikan yang serius. Hasilnya terdapat dua bentuk nilai yang saling bertentangan.

Keberkesanan pendidikan oleh persekitaran boleh dibuktikan dengan mudah. Pengalaman di luar negeri khususnya di Britain menunjukkan orang-orang Malaysia berubah mendadak menjadi pemandu-pemandu yang bertimbang rasa, tolak ansur, sopan, hati-hati, mendahulukan kenderaan lain, tetapi mereka bukan sedemikian di Malaysia. Malah kembalinya dari luar negeri itu mereka akan mendadak pula berubah semula ke perangai lama yang sebaliknya. Apa yang mendidik mereka begitu adalah tidak

---

<sup>9</sup>al-Baghawi, *Masabih as-Sunnah*, Jld. 4, Darul Ma'rifah, Beirut, 1987, h. 169.

<sup>10</sup>Dore, Ronald, *The Diploma Deasese: Education, Qualification and Development*, George Allan and Unwin, London, 1976.



berupa sekolah dan kurus. Sebaliknya nilai masyarakat adalah agen penting yang berperanan sebegitu rupa.

3. Sifat dan operasi media, sama ada cetak atau elektronik yang tidak *educating* tetapi lebih bersifat *commercialising*. TV dan Kementerian Penerangan sendiri mempunyai peratusan hiburan yang lebih tinggi dari fungsi agen maklumat, apatah lagi untuk agen pendidikan. Tarbiah (pendidikan) hanya menjadi terkhusus dalam program TV Pendidikan semata-mata. Itupun lebih bersifat pelajaran. Iklan dan rancangan filem dan lain-lain tidak bersifat demikian. Rancangannya lebih merujuk kepada kelarisan dari penaja iklan yang pula berorientasi keuntungan wang.

Konsep pragmatism dan kapitalism serta kebebasan berteras nasionalism membuka ruang luas kepada media untuk mengeksploitasi sentimen seks dan keremajaan untuk di *commercialise* kan. Dengan mudah idea dan gaya hidup yang menyimpang dari dimensi pendidikan terkristal dalam gaya berfikir dan corak imiginasi mereka. Dengan itu idea-idea menganjurkan kebaikan terkecai hancur dari menyegari hati dan jiwa mereka. Media-media oleh badan-badan dakwah pula terjurus dalam pendidikan *al-Amr bi al-Ma'ruf* semata-mata dengan mempercayai kaedah 'sentuhan dan ketukan hati' hingga hampir-hampir menenggelamkan 'teguran, amaran, hukuman dan deraan' sebagai sebahagian cara dan kaedah pendidikan Islam.

4. Agenda pendidikan yang difahami sebagai agenda khusus dan terpisah dalam sekotr berkenaan semata-mata. Fakulti pendidikan di universiti tidak dilihat sebagai fakulti induk yang menterasi semua fakulti-fakulti lain. Kalau di dalam KBSM, nilai disebut sebagai merentasi segala matapelajaran, maka saya berpendapat sepatutnya pendidikan mestilah merentasi segala pofesion-profesion lain. Dalam struktur pemerintahan atau pentadbiran kerajaan dan kementerian-kementerian lain. Kementerian kerjaraya misalnya bertindak membangun infrastruktur dengan semangat mendidik dan membentuk hati budi rakyat.

Para pengajar bidang sains di universiti mestilah melihat kerjanya dalam konteks *subordinate* kepada profesion kependidikan. Sentimen profesionalism yang *deparmentalised* seharusnya dikikis dan profesion diri mestilah dilihat dalam idea *complementing* antara satu sama lain. Sifat 'mengambil tahu' yang komprehensif dan berjiwa besar dengan lapang dada yang tinggi mestilah tertegak. Bentuk suasana akademik yang tidak sedemikian akan melangsungkan satu sejarah ilmu yang menghambari makna pendidikan.

5. Pendidikan tidak bersifat sebagai gerakan dakwah menyeluruh. Dengan itu ianya menghilangkan semangat jihad. Pemikiran masyarakat semasa rata-rata memahami dan meletakkan imej pendidikan lebih bersifat membina kebaikan diri dan masyarakat semata dan tidak sensitif kepada pembasmian dan penghapusan aspek-aspek kejahatan. Malahan pada masa yang sama aspek maksiat diberi laluan dengan alasan kepentingan ekonomi dan kebebasan sosial.

Adapun perintah *al-Amr bi al-Ma'ruf* (menyuruh kebaikan) di dalam Islam berkembar langsung dengan *al-Nahy 'an al munkar* (melarang kemungkaran) dan ianya mestilah bersifat *integrated* dan serentak. Zaman-zaman sebelum yang mana tahap syiar Islam secara berbanding dianggap rendah, sesuatu kemaksiatan dihukum berat oleh masyarakat. Di zaman lalu pelaku maksiat kemudiannya menjadi hamil misalnya dalam sebuah masyarakat dihukum supaya meninggalkan kampungnya. Kini kes sedemikian berkecenderungan menjadi soal peribadi dan tidak mendapat sensitiviti massa. Kegiatan maksiat di sebelah rumah misalnya tidak mendapat tentangan dari jiran sebelah. Ambil peduli tidak berlaku di atas alasan 'tidak perlu menjaga tepi kain orang'.

Akibat dari ini umat Islam kehilangan semangat 'patriotik kelslaman', jiwa menjadi sempit dan takut-takut, dan pendidikan hanya berlaku dalam institusi akademik semata. Ia bersifat pendidikan 'ke dalam' sahaja dan tidak bersikap *attacking* (mengganyang atau menentang) kemungkaran. Pemuda-pemudi berhiburan sana sini tanpa tema dan visi. Program-program belia seperti Rakan Muda pun masih mempunyai ruang

untuk kemaksiatan. Gerakan dan pertubuhan pelajar, malah yang mendakwa Islam pun hanya berprogram yang bertumpu kepada pembinaan kebajikan ahli dan mencari keredhaan Allah s.w.t. Mereka tidak berani membuat resolusi-resolusi menentang kemungkaran! Apakah keredhaan Allah s.w.t berlaku jika sedemikian sifatnya.

Lima persoalan di atas adalah sebahagian dari pernyataan tentang *al-Munkar* yang masih wujud dalam alam pendidikan. Ia mestilah dilihat secara rasional dan penuh pertimbangan agar program pendidikan yang sedang berlaku tidak tercemar dan dihalangi.

### **Tarbiah Dalam Strategi Dakwah**

Oleh kerana banyak badan-badan Islam di Malaysia mendakwa bersifat 'gerakan dakwah', maka aspek pendidikan juga mestilah menjadi strategi dalam konteks semasa. Setelah kesediaan sedemikian dipegangi maka kaedah juga mestilah dirujuk kepada Islam, bukan hanya dengan logik yang berteraskan sentimen kepada kumpulan atau organisasi masing-masing.

Rasulullah s.a.w bersabda bermaksud:<sup>11</sup> (disusun)

*'Sesiapa melihat kemungkaran maka hendaklah ia merubahnya:*

- 1. Dengan tangannya (kuasa), jika tidak berupaya, maka*
- 2. Dengan lidah (teguran, memorandum, bingkangan), jika tidak berupaya, maka*
- 3. Dengan hati (doa, membenci perkara tersebut dan lain-lain) dan ini adalah tahap iman yang lemah.*

---

<sup>11</sup>Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, "Kawn al-Nahy an al-Munkar min al-Iman", Jld. 2, h. 22-25, Dar al-Fikr, 1981.

*Selepas ini tidak ada lagi keimanan walaupun  
sebesar biji sawi.*

Dari perspektif pendidikan, tiga dimensi tersebut memerlukan wujudnya tiga gerakan berikut:

1. Pendidikan politik, yang menjurus kepada kefahaman kepada aspek atau ilmu politik (political sciences) atau kesedaran politik Islam bagi masyarakat awam.
2. Pendidikan akal atau intelektual yang bersifat pembinaan ilmu pengetahuan atau pewujudan sunnah ilmu.
3. Pendidikan spiritual, yang menekankan keharmonian hati yang berwaja iaitu hati yang sensitif kepada kebaikan dan kemungkarannya. Keperihatinan itu mesti hidup dan terpancar dalam tindakan.

Dalam suasana yang ada badan-badan gerakan dakwah terikat dengan kelemahan dan ketidakupayaan, malah politik disyaratkan tidak boleh menjadi kegiatan pelajar. Dalam perspektif hadith di atas aspek penentangan terhadap kemungkarannya yang menjadi aspek bersama pendidikan adalah berkait secara langsung dengan kedudukan badan-badan dakwah dan gerakan Islam. Kita kini menyaksikan pertamanya akan kekayaan tenaga teknokrat dan profesional seperti kejuruteraan menjadi aset sesetengah organisasi. Keduanya Badan Dakwah yang lain pula terlibat dalam bidang politik. Sementara ketiganya sebahagiannya bersifat dakwah 'tradisional' menekankan kehidupan bersunnah dan perhatian yang berat terhadap hati dan rohani. Kepelbagaian ini menunjukkan kekayaan komponen gerakan Islam keseluruhannya.

Dalam hal ini setengah Badan Dakwah mungkin berprioriti kepada yang kedua dengan tidak menafikan yang pertama dan ketiga. Parti-parti politik Islam pula terjurus dalam kerja langsung kepada aspek politik dan pewujudan kuasa Islam. Sementara badan-badan dakwah 'tradisional' pula

berkeupayaan tinggi dalam aspek ketiga. Dipercayai bahawa tiap satu tidak meninggalkan semua ketiga-tiga tuntutan hairaki gerak kerja dakwah dan tarbiah tersebut. Tetapi keupayaan terhad tiap mereka dari segi tenaga dan masa juga faktor-faktor lain memerlukan mereka berganding bahu secara tersusun dan berhairaki. Dalam hal ini mestilah disedari bahawa aspek politik adalah aspek induk sebagaimana susunan dalam hadis di atas yang meletakkan 'dengan tangan' (kuasa) sebagai cara yang pertama. Keupayaan intelektual adalah susunan kedua, sementara aspek hati dan doa adalah dalam tahap ketiga. Kalau badan-badan dakwah atau gerakan Islam menyedari hakikat ini maka di sinilah wujudnya konsep *ta'aawun* atau *complementing*. Inilah juga apa yang boleh difahami dengan istilah *caring* atau 'penyayang'.

Rasulullah s.a.w sebagai sumber tarbiah mestilah dilihat secara tersusun. Adalah perlu diletakkan acara Sunnah secara hairaki hukum iaitu susunan wajib, sunat dan harusnya. Buah khurma adalah sunat sementara negara Islam adalah wajib. Jubah hijau adalah sunat sementara hukum Islam adalah wajib. Yang wajib didulukan sementara yang sunat terus dilakukan segera juga semungkinnya. Tetapi janganlah yang wajib diabai sementara penekanan kepada yang sunat tergambar seakan-akan fardu. Kekeliruan sebegini bukan sahaja menyelewengkan gambaran Islam, tetapi juga menguntungkan musuh.

Suatu halangan terbesar di peringkat ini ialah 'sentimen' organisasi melulu dan menebal serta jiwa sempit yang antagonistik serta kerakusan kepada kejayaan segera. Sentimen organisasi selalu diingatkan oleh Rasulullah s.a.w dengan istilah *asabiyyah*. Ianya adalah satu sikap yang melihat kejayaan untuk kumpulan sendiri semata, bukan untuk Islam. Gerakan berbentuk 'rahsia' (*sirriy*) yang mengelirukan dan penuh *suspen* serta jiwa sempit pula akan keresahan bila melihat kemenangan dan kejayaan kumpulan lain serta tidak bersedia menolong kegiatan kumpulan tersebut. Kerakusan kejayaan segera yang disifatkan sebagai kerja-kerja syaitan (maksud hadis) pula berlaku dengan menyokong program-program musuh dengan alasan strategi dan menggunakan suasana yang ada.

Kewibawaan Islam yang *leading* tenggelam di bawah naungan dan ihsan ism-ism lain.

Untuk mengatasi suasana ini, para pendokong gerakan Islam yang serius dengan agenda dakwah dan pendidikan masyarakat harus berperang dulu dengan 'musuh-musuh psikologi' yang berada dalam diri masing-masing itu.

Setelah tahap kaedah strategi tadi selesai, kaedah teknikal pula mestilah merujuk kepada firman Allah s.w.t bermaksud:<sup>12</sup> (diaturkan)

*'Serulah ke jalan Tuhanmu dengan:*

- 1. Hikmat*
- 2. Mau'izah Hasanah (peringatan yang berkesan)*
- 3. Dialog yang terbaik.*

Aspek hikmah merujuk kepada ketepatan cara yang diperlukan oleh suasana dan kes yang dihadapi. Ia melibatkan kaedah yang berbagai: menyuruh, memodelkan contoh, memberi amaran, membuat *punishment*, memberi ganjaran, berhalus dan berkasar, bertolak ansur dan bertegas dan lain-lain. *Mau'izah hasanah* pula merujuk kepada peringatan akan ayat-ayat Allah s.w.t dan sabda Rasul s.a.w serta huraian-huraian yang merujuk al-Qur'an dan Sunnah. Sementara dialog yang terbaik melibatkan keupayaan berhujah dengan berilmu yang secukupnya yang berkesan atau efektif.

Aspek 'berdialog' ini mempunyai kaitan penting dengan Sunnah ilmu dan pembinaan keupayaan menyampaikan dan memperkatakan sesuatu. Keupayaan menggagaskan cara berfikir (seni berfikir?), berhujah dan menganalisa tidaklah wujud secara automatik pada intelektual. Contohnya penjual ubat jalanan lebih petah dan menarik bercakap tetapi agendanya hanya sejenis ubat yang belum tentu mujarab. Dengan itu latihan sedemikian amat perlu dengan mengadakan majlis-majlis berkaitan. Diskusi, dialog, perbahasan, seminar, ceramah dan lain-lain mestilah

---

<sup>12</sup>al-Nahl (16):125.

membudaya dalam kehidupan terutama para pelajar bakal intelektual supaya ia menjadi ilmuan sebenarnya. Generasi inilah bakal berupaya merealisasikan tugas tarbiah yang dicita-citakan.

### **Penutup: Harapan**

Gagasan-gagasan idea ini adalah satu pengamatan ke arah mencemerlangkan lagi pencapaian gerakan dakwah oleh badan-badan yang telah ada. Sejarah perjuangan lampau menuntut gagasan pendidikan yang sedemikian, yang bersifat sepadu, *complementing* serta terselamat dari tipu muslihat dan pujukan musuh. Kejayaan adalah kejayaan bersama dan kepimpinan masyarakat mestilah berteraskan ilmu yang benar bukan setakat maklumat intelektual.

Sering kita mencita-citakan kelahiran para alim dan *zaim* sekaligus seperti Ibn Hazam, Ibn Sina, Ibn Rushd dan lain-lain ulama dan saintis Islam melalui pendidikan, tetapi tidak berupaya. Oleh itu pendekatan kerjasama membentuk kumpulan yang boleh mencapai sifat peribadi demikian memerlukan tindakan segera. Kita boleh melahirkan Ibn Sina tetapi bukan dengan satu individu, sebaliknya dengan gabungan beberapa individu. Kalangan berpendidikan agama mestilah bergabung dengan para intelektual profesional dan saling mengisi. Pengulamakan intelektual adalah perlu, tetapi agak janggal untuk menyebut pengintelektualan ulama kerana ia menggambarkan ilmu-ilmu Islam tidak berciri intelek. Walau bagaimanapun mereka juga seharusnya mempelajari sesuatu dari bidang sains dan teknologi untuk memastikan peranan yang berkesan. Hal ini sepertimana yang dicadangkan oleh Faruqi<sup>13</sup> Malahan kerja-kerja sepadu sedemikian seharusnya hingga ke peringkat pembuatan kurikulum seperti yang dicontohkan oleh Sami & Sajjad<sup>14</sup> dalam bidang kimia dan zoologi.

---

<sup>13</sup>Faruqi, al I.R., *Islamisation of Knowledge General Principles and Work Plan*, III T., Herdon, 1982.

<sup>14</sup>Sami, M.A. & Sajjad, Muslim, *Planning Curricula for Natural Sciences: The Islamic Perspective*, Institute of Policy Study, Islamabad, 1983.

Seruan bersatu bukan sahaja dalam kenyataan-kenyataan ucapan; ucapan dasar atau harian, tetapi dalam praktik yang melihat kejayaan sesuatu terpulanglah kepada keupayaan siapa yang dapat melakukannya. Kesyukuran bukan sahaja pada kemenangan sendiri juga kepada kejayaan orang lain. Pandangan dan kritikan dari kumpulan lain seharusnya menjadi muhasabah yang diterima kasihi dalam semangat *tawaasau* yang indah, bervisi penuh makna. Kemudiannya ia distrukturkan dengan meletakkan agenda politik Islam sebagai induk yang memayungi semua aktiviti-aktiviti lain sepertilah yang dicontohkan oleh sunnah negara Madinah gagasan Rasulullah (s.a.w) sendiri.